

Melayu Raya

Perjanjian Negara-negara Kesatuan Melayu Raya Selamat Terbentuk

Melayu Raya akan diisytiharkan kelahirannya pada 31 Ogos 1963, dan dengan itu akan tamatlah penjajahan British di Singapura, Sarawak dan Borneo Utara.

Jalan untuk Melayu Raya sekarang terbentang luas dan jelas – kata Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, kepada 40,000 orang yang sedang berhimpun mengalu-alukan ketibaannya di Padang Terbang Kuala Lumpur pada 9 Ogos yang lalu.

In shā'a Allāh pada 31 Ogos 1963 yang akan datang, kata Tengku lagi – negara baharu ini akan lahir sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat yang akan mengambil tempatnya yang layak dengan megahnya di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu.

Tengku telah selamat kembali ke tanah air dari London setelah berjaya menempah sejarah baharu, sejarah terbentuknya Perjanjian Negara-negara Kesatuan ((Melayu Raya)).

Ketibaan Tengku dari London telah disambut dengan meriahnya di Singapura dan di Kuala Lumpur.



Tengku Abdul Rahman

Angkara Komunis

Tengku telah menyelar anasir-anasir Komunis yang kelihatan ((Melayu Raya)).

bermati-mati membuat fitnah untuk menghalangi wujudnya

Kata Tengku: Anasir-anasir Komunis membuat berbagai-bagai dakyah untuk menentang Melayu Raya, tetapi kita tahu dan kita sedar bahawa 80 peratus rakyat Borneo menerima untuk menggabungkan diri dalam Melayu Raya.

Pihak Komunis, kata Tengku lagi, tidak mahu menerima Melayu Raya, tidak mahu rakyat Persekutuan bersatu dengan saudara-saudara mereka yang seketurunan di Borneo itu ialah kerana bila pergabungan terjadi, kaum Komunis akan kehilangan kuasa untuk meracuni rakyat.

Lebih lanjut Tengku berkata: Radio Moscow tiap-tiap hari menyiarkan dakyah menentang Melayu Raya. Tetapi Rusia juga menyokong tuntutan Indonesia terhadap Irian Barat. Jadi dalam satu masa mereka menyokong tuntutan atas Irian Barat dan sebaliknya menentang Melayu Raya.

Inilah sebabnya, kata Tengku, Komunis itu ular berkepala dua!

* * *

Bukan Hendak Menjajah

Tengku membantah keras sebarang tuduhan yang mengatakan Persekutuan Tanah Melayu hendak menjajah.

Kata Tengku: Tidak ada niat dalam hati kita hendak menjajah orang lain. Kita hendak melepaskan negeri-negeri yang dijajah dari penjajahan, kita hendak menolong memelihara dan menyelamatkan sahabat-sahabat dan saudara-saudara kita itu. Kita hendak hidup bersama-sama saudara-saudara kita yang seketurunan, yang mempunyai bahasa yang sama, adat resam

yang sama, dan pandangan hidup yang sama.

Mereka, kata Tengku lagi, tidak dapat merdeka sendiri kerana mereka telah ketinggalan akibat hidup di bawah penjajahan.

Binalah Kemakmuran Melayu Raya

Lebih lanjut Tengku berkata, rakyat dalam negara Melayu Raya, hendaklah bersatu padu sebagai satu keluarga yang hidup dalam satu dunia yang luas. Kita hendaklah taat kepada negara Melayu Raya, dan bekerjasama untuk menjadikan Melayu Raya sebagai sebuah negara yang bahagia dan makmur.



356/8 GEYLANG ROAD

SINGAPURA, 14,

Tel: 41118

Penerbit buku2 agama, buku2 sekolah,

buku2 bacaan tambahan bagi

kanak2 dan buku2 bacaan 'am.

Mengambil upah chitak menchitak dengan

harga berpatutan. Berhubong-lah, pasti

memuaskan!